

Pembelian antibiotik perlu preskripsi

» Tinjauan dapati ada farmasi jual ubat terkawal tanpa surat kebenaran

Oleh Azrul Afrandi Sobry, Muhammad Mustakim Ramli dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Peraturan menetapkan antibiotik adalah ubat terkawal, tidak boleh dijual sewenang-wenangnya kecuali atas preskripsi doktor, namun apa yang berlaku adalah di sebaliknya.

Siasatan BH di beberapa farmasi dan klinik swasta sekitar ibu negara mendapati ubat berkenaan begitu mudah dibeli.

Hanya bertahu, pilih dan terus bayar. Pekerja di farmasi dan klinik swasta tidak bertanya lebih lanjut sebab kenapa wartawan mahu membeli produk memunuh bakteria berkenaan.

Malah mereka juga langsung tidak meminta dan bertanya mengenai surat kebenaran doktor mengenal

atau menasihatkan wartawan berjumpa dengan doktor terlebih dahulu untuk mendapatkan bahan perubatan berkenaan.

Tak dapat beri jawapan

Salah sebuah farmasi di sekitar Jalan Tunku Abdul Rahman (TAR), ketika dikunjungi wartawan tidak dapat memberikan jawapan ketika ditanya perbezaan antibiotik yang dijualnya selepas dia menawarkan dua jenis antibiotik kepada wartawan.

Penjual itu juga tidak memberikan panduan dos yang sepatutnya yang perlu dimakan/malah dia tidak peduli jika pembeli (wartawan) membeli dengan jumlah yang besar antibiotik berkenaan.


Di Brickfields, seorang pekerja farmasi hampir mengual antibiotik itu kepada wartawan tetapi tidak berbuat demikian selepas rakannya mencelah urus niaga itu.

Rakannya yang juga pekerja farmasi itu meminta wartawan menengokkan surat kebenaran doktor sebagai syarat untuk membeli antibiotik.

Ditanya kenapa perlu, dia mengatakan itu sebahagian daripada prosedur kerja dan pada masa yang sama ia adalah bahan terkawal dan tidak boleh dijual dengan sewenang-wenangnya.



Mohd Makmor ketika sesi temuramah bersama wartawan di UKM, Kuala Lumpur (FOTO: GHAZALI KORU/HH)



Pelanggan mendapatkan ubat antibiotik walaupun tanpa preskripsi doktor di sebuah farmasi di Kuala Lumpur.

Ubat antibiotik jenis tempatan yang dibeli wartawan di farmasi di Jalan Tunku Abdul Rahman.

Penggunaan tanpa kawalan jadikan bakteria makin kebal

Kuala Lumpur: Penggunaan antibiotik secara tidak terkawal dan tidak kena pada punca penyakit selain kaedah penggunaan yang salah, boleh menyebabkan keamatan.

Ini berikutan bakteria dalam badan sudah kebal pada antibiotik yang tidak digunakan secara betul atau berlebihan.

Laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan 10 juta penduduk dunia dikhuatiri mati akibat bakteria yang semakin kebal, pada tahun 2050 dengan kira-kira 4.7 juta daripadanya adalah dari Asia yang menjadi rantau berisiko tinggi terutama di negara sedang membangun seperti Malaysia.

Bakteria sudah kebal
Katanya, laporan WHO itu juga menyebut, sehingga hujung 2014, lebih 50 peratus bakteria yang kerap menyebabkan penyakit seperti demam, batuk dan selesema sudah kebal dengan segala jenis antibiotik yang ada.

Mengulas senario itu, beliau berkata, apabila antibiotik diberi kepada pesakit yang penyakitnya bukan disebabkan bakteria, ia bukan saja tidak menyembuhkan penyakit, malah membolehkan bakteria sedia ada belajar untuk menungkatkan kekebalannya terhadap pembunuhan kuman itu.

Apabila proses ini berlaku, katanya, bakteria akan menjadi semakin kuat.

"Masalahnya, amalan ketika ini amat tidak menepati kaedah sebenar. Semua pesakit yang datang, meskipun sekadar demam biasa atau batuk dan selesema diberi antibiotik sedangkan antibiotik untuk bunuh bakteria, bukan virus atau fungus.

"Tidak semua penyakit disebabkan bakteria. Selalunya demam biasa tidak ada kena mengena dengan bakteria," katanya ketika ditemui BH.

Dr Mohd Makmor berkata, tidak semua batuk dan selesema disebabkan bakteria, justeru doktor perlu membuat diagnosis yang betul sebelum memberi ubat.

Bakal beri kesan buruk
Katanya, jika ada simptom ia disebabkan bakteria, baru diberikan antibiotik dan jika tidak, antibiotik tidak sepatutnya diberikan langsung kerana ia bakal memberi kesan buruk.

Beliau berkata, selain masalah



Tidak semua penyakit disebabkan bakteria. Selalunya demam biasa tidak ada kena mengena dengan bakteria"

Dr Mohd Makmor Bakry,
Pakar Farmasi Klinikal Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

doktor memberikan antibiotik tanpa membuat diagnosis secara tepat, ada pesakit meminta diberikan ubat itu dengan anggapan ia adalah perawat kepada semua jenis penyakit dan perlu diambil untuk apa saja kes.

Masalah lain pula apabila pesakit tidak menghabiskan antibiotik

FAKTA NOMBOR

➊ **4.7 JUTA**
kematian di Asia terutama negara membangun seperti Malaysia kerana kekebalan bakteria pada 2050

➋ **50 %**
bakteria yang menyebabkan penyakit sudah kebal dengan semua jenis antibiotik

➌ **95 %**
pemberian antibiotik adalah kepada pesakit radang tonsil

➍ **50 %**
pesakit demam, selesema dan batuk tidak sepatutnya diberi antibiotik

yang diberikan menyebabkan bakteria tidak dapat dibunuh sepenuhnya dan ia akan mula belajar menungkatkan ketahanan terhadap antibiotik itu menyebabkan pesakit sama perlu diberi antibiotik lebih kuat apabila kembali sakit.

"Antibiotik tidak membunuh tetapi melepaskan dalam memberi ubat ini akan meningkatkan keamatan kerana kekebalan bakteria. Dunia perubatan akan berdepan masalah pada masa depan kerana terpaksa terus mencipta antibiotik yang kuat kerana bakteria sudah kebal.

"Apabila antibiotik terlalu kuat, akan berlaku kesan sampingan lain seperti kerosakan sistem tubuh. Ini yang merisaukan. Masalahnya, itu ini amat sukar ditangani kerana perlukan kesedaran semua pihak termasuk pengamal perubatan dan orang ramai.

"Jika hanya individu tertentu sedang jaga dirinya daripada salah mengambil antibiotik, dia mungkin boleh dijangkiti bakteria kebal daripada pesakit lain berhadapan. Jika ada orang batuk, dia boleh menyebarkan bakteria kepada orang lain," katanya.